




Program Pemerkasaan Bahasa Inggeris



Kelebihan Program EEP Universiti Teknologi Swinburne Kampus Sarawak

Anda akan mengikuti program EEP di kampus bertaraf antarabangsa yang serba moden dan lengkap serta di lokasi strategik di Bandaraya Kuching.

Dengan program EEP, anda bukan sahaja akan dapat meningkatkan kemahiran Bahasa Inggeris dalam pertuturan, membaca, menulis, mendengar, memahami dan berkomunikasi tetapi juga dapat mengalami kehidupan universiti bertaraf antarabangsa. Ini termasuk membiasakan diri dengan kemudahan kampus, menyertai lawatan sambil belajar, dan bekerjasama dengan rakan-rakan sekelas.

Setelah tamat program EEP, anda layak untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat pra-universiti, diploma, dan ijazah sarjana muda di Universiti Teknologi Swinburne Kampus Sarawak. Anda juga berpeluang bergaul dengan pelajar dari lebih 50 buah negara.

Siapa yang layak?

- Pelajar Sarawak
- Mendapat tawaran belajar di peringkat Pra-Universiti, Diploma atau Sarjana Muda di Swinburne Sarawak
- Menepati syarat kemasukan Bahasa Inggeris bagi mengikuti program pengajian di Swinburne Sarawak
- Mendapat Kredit dalam Bahasa Melayu peperiksaan SPM, GCE O-Level (Singapura dan Brunei), atau UEC

Manfaat Tambahan

	PEMBIAYAAN PENUH Yuran pengajian dan tempat tinggal bagi pelajar dari luar bandar Kuching.
	BANTUAN PENEMPATAN Sebanyak RM300 (sekali sahaja) disediakan
	JAMINAN BANTUAN KEWANGAN Mahupun bantuan pengajian dari Yayasan Sarawak

Universiti Teknologi Swinburne Kampus Sarawak


Swinburne Sarawak menawarkan program pengajian yang diiktiraf antarabangsa.

Selaku sebuah kampus antarabangsa yang dimiliki kerajaan negeri Sarawak, Swinburne Sarawak memberi anda peluang untuk memiliki ijazah Australia bertaraf antarabangsa.

Kampus sebesar 16.5 ekar ini terletak di bandaraya Kuching serta menawarkan kemudahan pembelajaran serba lengkap. Dengan program pengajian yang praktikal dan berorientasikan kerjaya, ianya serbasama dengan program yang ditawarkan di kampus utama kami di Melbourne, Australia.

EEP ditaja sepenuhnya oleh Yayasan Sarawak.

Laluan Pendidikan



Tempoh pembelajaran

3 sehingga 5 tahun


*Kemasukan terus ke Tahun Ke-2 program sarjana muda, dengan pengecualian

Tarikh Pengambilan EEP

3 Februari 2025

9 Jun 2025

14 Julai 2025



Hubungi Kami



Untuk Maklumat Lanjut